



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO	
TARIKH	:	4/10/2019	MUKA SURAT : 46
JABATAN	:	SPAN	
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN	

Jamin kualiti air patuh piawaian

Shah Alam: Pengurusan Air Selangor Sdn Bh (Air Selangor) memberi jaminan air yang dibekalkan adalah selamat untuk digunakan dan mematuhi piawaian kualiti air yang ditetapkan.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Air Selangor, Abdul Raof Ahmad berkata, pihaknya sudah menjalankan siasatan ke atas 842 kes dari keseluruhan aduan sebanyak 952 kes yang diterima.

“Semua aduan itu diterima dari 29 September lalu sehingga jam 10 pagi semalam.

“Berdasarkan ujian persampelan di tapak, air yang dibekalkan adalah selamat di gunakan dan mematuhi piawaian kualiti air Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM),” katanya.

Air Selangor akan terus menjalankan pemeriksaan

dan ujian kualiti air bagi baki 110 kes yang diadakan.

Katanya, Air Selangor juga akan melaksanakan pemeriksaan di sistem agihan dan kolam perkhidmatan secara berterusan.

“Sehingga kini sembilan kolam perkhidmatan sudah pun dicuci dan Air Selangor akan melaksanakan beberapa aktiviti pembersihan secara berterusan.

“Antara aktiviti yang akan dijalankan adalah pencucian sistem perpaipan di kawasan aduan.

“Selain itu, kami juga akan mencuci kolam dan sistem agihan serta peman-tauan dan tindakan berterusan sehingga semua kes dan aduan air berbau tiada lagi,” katanya.

Aduan air berbau berke-naan membabitkan tiga kawasan iaitu di Aman Putra, Sepang; Puchong Prima, Petaling dan Saujana Puchong, Petaling.